

NEGERI YANG SEMBILAN

(1ST PAGE PROOFS)


NORMALIN H. IBRAHIM

KOLEKSI


NORMALIN H. IBRAHIM

NEGERI YANG SEMBILAN

Daerah kecil pusaka adat
warisan kerajaan berdaulat




NORHALIM HJ. IBRAHIM



Negeri yang Sembilan

**Daerah Kecil Pusaka Adat
Warisan Kerajaan Berdaulat**



Norhalim Hj. Ibrahim




SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD
1995

Author's Copy

1st Page Proofs

(Chap 1 - 10)


16/6/95


Negeri yang Sembilan
Warisan Satu Peradaban


Sdr Nurhalin

Kita mungkin akan menuliskan tajuk
kepada :

[NEGERI YANG SEMBILAN
daerah kecil pesaka adat
warisan kerajaan berdaulat .]


16/6/95



Negeri yang Sembilan

Warisan Satu Peradaban



Norhalim Hj. Ibrahim



SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
1995

*Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
4 Jalan U1/15, Seksyen U1
Hicom-Glenmarie Industrial Park
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan*

© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1995


ISBN 967 65 3536 2

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau
dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik,
mekanik, penggambaran semula, perakaman
dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu
daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*

*Teks diset dalam ITC Century Light 10 poin
Dicetak di Malaysia oleh
Percetakan Polygraphic (M) Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan*

Isi

<i>Prakata</i>	v
<i>Pendahuluan</i>	vii
1 PENGENALAN	1
2 PEMBUKAAN REMBAU	14
3 PENDUDUK AWAL REMBAU	31
4 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU	43
5 PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU	62
6 INSTITUSI PENGHULU/UNDANG	73
7 PEMBUKAAN REMBAU DARAT	85
8 KEDATANGAN KUASA BARAT	93
9 REMBAU DI ZAMAN BELANDA DI MELAKA	104
10 KEDATANGAN PUTERA RAJA MINANGKABAU	125
11 BUGIS DI REMBAU	141
12 YANG DIPERTUAN REMBAU	172
13 SUNGAI LINGGI, SIMPANG DAN REMBAU	222
14 CAMPUR TANGAN INGGERIS DI REMBAU	259
15 PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL	305
16 ERA BARU	317
<i>Lampiran</i>	328
<i>Bibliografi</i>	347



Isi

- 1 PENGENALAN
- 2 PEMBUKAAN REMBAU
- 3 PENDUDUK AWAL REMBAU
- 4 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU
- 5 PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU
- 6 INSTITUSI PENGHULU/UNDANG
- 7 PEMBUKAAN REMBAU DARAT
- 8 KEDATANGAN KUASA BARAT
- 9 REMBAU DI ZAMAN BELANDA DI MELAKA
- 10 KEDATANGAN PUTERA RAJA MINANGKABAU
- 11 BUGIS DI REMBAU
- 12 YANG DIPERTUAN REMBAU
- 13 SUNGAI LINGGI, SIMPANG DAN REMBAU
- 14 CAMPUR TANGAN INGGERIS DI REMBAU
- 15 PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL
- 16 ERA BARU



M.B.N.S. 1.69

MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

SRTITIS TINTA

Keifahaman yang sempurna tentang keadaan negeri dan masyarakat di mana kita tinggal sekarang hanya dapat diperolehi melalui pengkajian sejarah. Sejarah memberikan kita cerita, identiti dan tempat di samping menjelaskan keadaan hari ini, dan memberikan kunci untuk masa hadapan. Dengan itu, sejarah mempunyai kaitan dan penerapan praktikal dalam usaha sesuatu masyarakat itu membangun.

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Tetapi sehingga ke hari ini sangat terasa ketiadaan penulisan sejarah, khususnya dalam bahasa Melayu tentang negeri-negeri yang mengannggotai Negeri Sembilan itu. Negeri-negeri tersebut sekarang telah bertaraf Luak atau daerah. Berbeza dengan daerah-daerah di negeri Melayu lain, hampir setiap daerah dan Luak di Negeri Sembilan ini pernah suatu ketika sebagai sebuah kerajaan bebas, merdeka dan berdaulat.

Buku Negeri Yang Sembilan ini mungkin merupakan buku sejarah politik Luak dan daerah Negeri Sembilan yang pertama dibukukan. Kerajaan negeri Sembilan Darul Khusus di samping menggalakan, menyokong dan menghargai, juga menggalakkan usaha seperti ini. Moga-moga selepas terbitnya buku ini, banyak lagi buku dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah negeri Sembilan secara umum, ataupun sejarah Luak tertentu dapat diterbitkan.

Dengan itu, masyarakat Negeri Sembilan hari ini dan generasi akan datang mendapat ilham dan wawasan untuk meneruskan perjuangan negarawan negeri kita dahulu dalam membangunkan Negeri Sembilan Darul Khusus sejajar dengan kehendak sejarah, masa dan persekitaran.

Atas nama Kerajaan Negeri, rakaman penghargaan kepada penyusun buku ini.

Salam hormat.

{DATO' SERI UTAMA TAN SRI D. MOHD ISA DATO' IKT. ABD SAMAD}

Author's Copy
21/6/95

Prakata

KEFAHAMAN yang sempurna tentang keadaan negeri dan masyarakat di mana kita tinggal sekarang hanya dapat diperolehi melalui pengkajian sejarah. Sejarah memberikan kita deria, identiti dan tempat di samping menjelaskan keadaan hari ini, dan memberikan kunci untuk masa hadapan. Dengan itu, sejarah mempunyai kaitan dan penerapan praktikal dalam usaha sesuatu masyarakat itu membangun.

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Tetapi sehingga ke hari ini sangat terasa ketiadaan penulisan sejarah, khususnya dalam bahasa Melayu tentang negeri-negeri yang menganggotai Negeri Sembilan itu. Negeri-negeri tersebut sekarang telah bertaraf Luak atau daerah. Berbeza dengan daerah-daerah di negeri Melayu lain, hampir setiap daerah dan Luak di Negeri Sembilan ini pernah suatu ketika (sebelum abad ke-20) berdiri sebagai sebuah kerajaan bebas, merdeka dan berdaulat.

Buku *Negeri Yang Sembilan* ini mungkin merupakan buku sejarah politik Luak dan daerah Negeri Sembilan yang pertama dibukukan. Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus di samping mengalukan, menyokong dan menghargai, juga menggalakkan usaha seperti ini. Moga-moga selepas terbitnya buku ini, banyak lagi buku dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah Negeri Sembilan secara umum, ataupun sejarah Luak tertentu dapat diterbitkan. Dengan itu, masyarakat Negeri Sembilan hari ini dan generasi akan datang mendapat ilham dan wawasan untuk meneruskan perjuangan negarawan negeri kita dahulu dalam membangunkan Negeri Sembilan Darul Khusus sejajar dengan kehendak sejarah, masa dan persekitaran.

Kepada penyusun buku ini, bagi pihak kerajaan negeri, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan.

Salam hormat.

DATO' SERI UTAMA TAN SRI HAJI MOHD. ISA
BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD

✓ 67

Pendahuluan

PENYUSUNAN dan penulisan *Negeri Yang Sembilan* ini adalah suatu percubaan mengumpulkan bahan-bahan sejarah tentang Kerajaan Rembau. Setakat yang diketahui, belum ada lagi penulisan yang khusus tentang perkembangan politik kerajaan ini. Kebanyakan penulisan yang ada tentang Rembau adalah berkenaan dengan adat dan istiadatnya dengan menyentuh mana yang perlu, sejarah perkembangan politiknya. Fakta dan data sejarah negeri kecil ini sering disentuh dan dibincangkan dalam pensejarahan negeri-negeri Melayu lain. Kebanyakan data dan fakta itu tertulis dalam bahasa asing seperti Inggeris, Belanda dan Portugis. Belum ada lagi sebuah penulisan yang khusus dalam bahasa Melayu tentang sejarah 'Rembau dan Negerinya yang Sembilan.'

Maka adalah tujuan utama penyusunan buku ini untuk mengumpulkan data dan fakta yang bertaburan itu ke dalam suatu penulisan yang mengikut kronologi perkembangan sejarah politik Kerajaan Rembau. Bahan dan sumber yang digunakan untuk penulisan terhad kepada yang ada dalam simpanan penyusun. Dengan itu diperakui bahawa penulisan ini, sebagai langkah pertama dalam menyusun semula sejarah pembangunan politik sebuah negeri yang ketandusan dokumentasi sejarah sendiri, banyak kelemahan dan kekurangannya. Adalah diharapkan bahawa kelemahan dan kekurangan penulisan ini akan menjadi petunjuk dan landasan kepada peminat, penuntut dan ahli sejarah berikutnya untuk memperbaikinya dengan membuat penyelidikan yang lebih terperinci agar tersusun satu pensejarahan kerajaan Rembau dan Negerinya yang Sembilan yang lebih mantap.

Kerajaan Rembau telah bangun selepas jatuhnya Kerajaan Melayu Melaka. Ianya bukan sebuah empayar seperti Johor yang sezaman dengannya ataupun Melaka sebelumnya. Rembau adalah sebuah kerajaan kecil tetapi berjiwa besar. Kerajaan ini untuk lebih kurang 340 tahun, telah dapat mempertahankan diri dan kedaulatannya daripada dijajah. Bagi sebuah negara kecil, ini merupakan suatu kejayaan yang cemerlang. Kejayaannya mempertahankan diri mungkin diinspirasikan oleh sistem kemasyarakatan—*Adat Perpatih*—yang mereka amalkan. Mulai dari awal kedatangan Barat, Portugis, rakyat Rembau telah sanggup bertumpah

PENDAHULUAN

darah dan berkorban nyawa untuk memastikan kebebasan diri dan negerinya. Dalam persejaraan negara kecil ini tidak ada satu individu yang ditonjolkan, seperti halnya Datuk Bahaman di Pahang atau Datuk Maharaja Lela di Perak kerana dalam masyarakat adat ini, setiap anggota masyarakat itu adalah sama rata. Kepentingan yang ditonjolkan bukannya kepentingan individu tetapi kepentingan kelompok yang bersatu padu. Demi kepentingan bersama ini dan demi mempertahankan pusat kedaulatannya, kerajaan Rembau sanggup mengorbankan wilayahnya asal-kan keseluruhan kerajaannya tidak dijajah. Namun akhirnya kerajaan Rembau terpaksa juga mengikut alur yang telah diteroka oleh kerajaan Melayu lain yang lebih besar daripadanya, iaitu tunduk di bawah penjajahan Inggeris.

Rembau dan Negerinya yang Sembilan dapat bertahan begitu lama disebabkan antara lain, kukuhnya kesatuan rakyatnya mengamalkan sistem adatnya. Apabila keharmonian adat itu tercabar oleh rasa tamak haloba di kalangan penganut dan khususnya pemimpinnya akibat ketidakutuhan proses kesinambungan sistem adat (yang diturunkan secara lisan dari generasi ke generasi), serta dilemahkan pula dengan kemasukan sistem ekonomi kewangan kapitalis dan individualistis (yang berlawanan dengan falsafah sistem adat) bawaan Inggeris, keutuhan kesatuan masyarakatnya mulai goyang. Ini seterusnya telah menggegarkan dasar sistem kenegaraan kerajaan Rembau dan menghilangkan keunikannya. Kerajaan Rembau menjadi serupa dengan keadaan negeri-negeri Melayu lain, iaitu dilanda anarki. Justeru itu, apabila negeri-negeri Melayu lain ditelan Inggeris, kerajaan Rembau yang merupakan salah sebuah negeri terakhir di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang dinaunginya, juga turut terjajah.

Inggeris mengambil masa tidak kurang daripada 60 tahun untuk menundukkan kerajaan Rembau menerusi penggunaan segala bentuk tipu muslihat termasuk kekuatan senjata. Akhirnya dengan bantuan pembesar negeri-negeri Melayu lain yang telah dinaunginya serta pembesar-pembesar kerajaan Rembau yang telah dipengaruhi, Weld, Gabenor Inggeris pada ketika itu telah mengheret kerajaan Rembau, khususnya Penghulu Datuk Lela Maharaja Haji Sahil ke 'mahkamah'. Dengan menggunakan aspek tertentu undang-undang inggeris dan mengintrepetasi undang-undang Adat Perpatih sesuai dengan keperluan pihak Inggeris, Weld yang menjadi 'hakim' dalam mahkamah tersebut telah menggunakan sepenuh kuasanya untuk memecat dan melantik Penghulu Rembau.

Mulai tarikh itu Rembau menghadapi zaman keruntuhannya. Daripada sebuah negeri yang merdeka, bebas dan berdaulat, dalam tempoh tidak lebih dari empat tahun, Rembau telah menjadi sebuah daerah kecil yang bernaung di bawah daerah (Tampin) yang 300 tahun sebelum itu adalah sebahagian daripada kerajaannya. Hari ini Rembau merupakan sebuah daerah kecil dalam kerajaan Negeri Sembilan moden.

PENDAHULUAN

Di sini saya ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan Negeri Sembilan, khususnya YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abd. Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus yang telah memberikan galakan, dorongan dan inspirasi serta perhatian dalam usaha saya menyusun dan menerbitkan buku ini. Tanpa sokongan YAB Tan Sri buku ini tidak mungkin diterbitkan dalam bentuknya sekarang. Kepada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan, khususnya YB Dato' Seri Utama Tan Sri A. Samad Idris selaku pengerusi dan Tuan Haji Muhammad Tainu, setiausaha, juga diucapkan berbanyak terima kasih kerana sumbangan kewangan untuk pembiayaan penyelidikan bagi menyusun buku ini. Kepada Fuad Hashim, jurugambar yang sanggup mengharung sungai dan meredah belukar membantu saya merakamkan tempat-tempat bersejarah di Rembau juga saya ingin merakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih. Saya juga terhutang budi kepada ahli jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, kawasan Rembau, terutamanya saudara Nordin Awal dan saudara Mohamad Haji Amoi kerana turut bersusah payah menyediakan dan mendapatkan bahan-bahan untuk buku ini sehingga ia dapat diterbitkan seperti keadaannya sekarang. Saya juga merakamkan terima kasih saya kepada individu-individu lain yang tidak dapat disebutkan nama mereka satu persatu di sini kerana terlalu ramai bilangannya, yang telah membantu saya, sama ada secara langsung ataupun tidak dari mula sehingga terbitnya buku ini.

Akhir sekali patut juga saya nyatakan di sini bahawa kebanyakan gambar dalam buku ini mempunyai rakaman sejarahnya sendiri tetapi ^{ada daripadanya} ~~ia tidak~~ ^{tidak} berkait secara ~~langsung~~ langsung dengan teks yang berakhir apabila masuknya penjajah Inggeris di bumi beradat itu. Tujuan ianya dimasukkan adalah untuk merakamkan dan menjadikannya sebagai dokumen sebelum tempat-tempat tersebut hilang dan musnah dimakan oleh proses perubahan dan pembangunan. Tempat-tempat dan kesan-kesan sejarah kerajaan Rembau yang nyata agak sukar ditemui sekarang. Bekas dan kesan-kesan yang masih ada, jika tidak dilakukan sesuatu yang konkrit oleh pihak yang berkuasa, juga akan turut hilang seperti hilangnya kerajaan dan tamadun adat Melayu Rembau.

Kedatangan Kuasa Barat



ADA sekitar bulan Ogos 1511 Kerajaan Melayu Melaka telah jatuh ke tangan Portugis. Kejatuhan kerajaan Melayu Melaka itu tidak melibatkan orang di Rembau yang terletak di bahagian pedalaman ke utara negeri Melaka. Pertembungan terawal antara penduduk rantau Minangkabau ini dengan kuasa Portugis telah berlaku di sekitar awal tahun 1512.

Pada tahun tersebut, Alfonso d'Albuquerque telah menghantar sepasukan tentera ke Naning. Ekspedisi tentera ini bukan bertujuan melanggar perkampungan Minangkabau tersebut tetapi untuk 'membersihkan' kawasan berkenaan daripada saki baki tentera Kerajaan Melayu Melaka. Ekspedisi ini telah masuk sehingga ke Padang Cacar di mana mereka telah menerima tentangan daripada orang Naning. Dalam pertempuran itu, menurut Begbie (1849: 32) seorang tentera Portugis telah terkorban. Kawasan di mana tentera berkenaan dikuburkan telah dikenali sebagai 'Kubur Feringgi'. Mengikut Newbold kubur ini, (Jil. 1, 1839: 243) terletak dalam kawasan atau berhampiran dengan Kampung Kendung sekarang.

Di samping ekspedisi tentera tersebut, di sekitar tahun 1514-15 Portugis juga telah membuat perkuburan di Kuala Sungai Penajih (Kuala Sungai Linggi sekarang) yang menjadi jalan lalu lintas utama melalui sungai ke Rembau dan Naning. Kubu ini dibina untuk keperluan ketenteraan (iaitu menyekat sebarang serangan ketenteraan melalui sungai oleh musuh dari kawasan pedalaman) dan bukan untuk tujuan ekonomi (iaitu menyekat dar/atau mencukai barang-barang perdagangan yang keluar masuk dari kawasan pedalaman). Justeru itu, kubu berkenaan tidak dikawal sepanjang masa tetapi hanya apabila ada keperluan.

Daripada huraian di atas nyata bahawa sehingga pertengahan abad ke-16 Portugis belum lagi sampai ke Rembau. Mereka hanya bergerak di sekitar kawasan sempadan wilayah Rembau sahaja. Ini bermakna pergerakan sosial dan aktiviti perdagangan orang Rembau tidak tersekat, atau dengan kata lain, mereka masih bebas. Sebaliknya pula, orang Rembau menyedari dan mengetahui apa yang telah dan sedang berlaku di Melaka. Mereka menyedari bahawa pemerintahan Melaka telah beralih tangan.

Ada tiga faktor utama, sekurang-kurangnya mengapa pihak Portugis

tidak 'melibatkan' diri dalam hal-ehwal Rembau di tahun-tahun awal pemerintahannya itu.

1. Sebagai dinyatakan di bahagian awal buku ini, sehingga tahun 1540, Rembau belum wujud sebagai sebuah kerajaan. Pada ketika itu Rembau masih dalam proses perkembangan menuju ke arah pembentukan sebuah kerajaan berdaulat. Ia merupakan suatu 'perkampungan' yang tidak mempunyai kekuatan ketenteraan. Justeru itu pihak berkuasa Portugis tidak perlu bimbang dan tidak perlu campur tangan atau terlibat dalam hal-ehwal Rembau.
2. Berkaitan dengan faktor di atas, orang Rembau tidak terlibat dalam mempertahankan ataupun kemudian, dalam percubaan Sultan Mahmud mengambil semula teraju pemerintahan di Melaka daripada Portugis. Oleh yang demikian, pihak Portugis tidak ada sebab atau motivasi yang serta-merta untuk 'melibatkan' diri dengan Rembau.
3. Di samping itu, pihak berkuasa Portugis terpaksa berhadapan dengan masalah sendiri iaitu mempertahankan diri daripada serangan bersiri Kerajaan Johor (bekas atau lanjutan Kerajaan Melayu Melaka) dan kuasa-kuasa Melayu lain serta juga membentasi 'pemberontakan' dari dalam seperti yang dilakukan oleh Pateh Kadir² (d'Albuquerque, A, Jil. 4, 1880: 90).

Keadaan 'aman' ini berterusan sehingga ke bahagian kedua abad ke-16. Dalam tempoh masa itu penduduk Minangkabau yang bilangannya semakin ramai di Rembau telah mengambil kesempatan menyusun sistem politik mereka. Pada tahun 1540 Rembau dengan restu Sultan Alauddin Riayat Shah (1528-54) di Johor Lama, telah berjaya menegakkan sebuah kerajaan. Selepas mendirikan sebuah kerajaan, para pemimpin Rembau masih tidak campur tangan dalam keadaan kekecohan antara Johor (yang telah diakui sebagai penaung) dan Melaka. Sebaliknya, mereka telah menggunakan kesempatan atas kesibukan Johor dan Melaka berkonflik antara satu dengan lain, serta dengan kuasa luar lain seperti Aceh dan Jepara³, semaksimumnya untuk memperkukuhkan lagi kedudukan kerajaan yang baru dibentuk itu.

Dalam tempoh masa tersebut Datuk Lela Maharaja Si Rama dengan dibantu oleh Lembaga Tiang Balai telah menyusun dan merapikan lagi struktur dan organisasi politik Rembau, di samping menyelesaikan masalah dalam negeri yang timbul. Penduduk Rembau juga menjadi semakin ramai dengan bertambahnya bilangan perantau yang datang membuka petempatan baru sama ada di Rembau Baruh ataupun Rembau Darat. Pertambahan penduduk (oleh sebab ketibaan perantau baru dan melalui proses semula jadi) berserta dengan penerokaan tanah baru bermakna ekonomi Rembau juga menjadi semakin kukuh. Bahan mentah dan makanan (seperti sayur-sayuran dan buah-buahan segar) telah dieksport ke

Melaka sama ada secara terus melalui Sungai Penajih ataupun diperdagangkan di Pangkalan Naning.

Keadaan dan suasana politik dan ekonomi yang stabil ini telah berterusan sehingga Datuk Lela Maharaja Si Rama meninggal dunia dalam tahun 1555. Pusaka penghulu itu telah diserahkan kepada anaknya¹ Ambo yang diberi gelaran Datuk Sedia Raja seperti yang dipersetujui dan dijanjikan dalam tahun 1540 semasa mendapat restu daripada Sultan Johor. Pada masa Datuk Ambo dikerjankan menjadi penghulu, beliau masih kecil lagi, mungkin baru berumur kira-kira lima belas tahun. Oleh sebab itu, pusaka penghulu itu telah dipangku oleh Datuk Merbangsa.

Pengisolasian Rembau daripada arena dan senario politik yang penuh dengan konflik di Semenanjung Tanah Melayu ini telah berterusan sehingga tahun 1586. Pada ketika itu Kerajaan Melayu Rembau telah terdiri untuk lebih kurang 46 tahun. Datuk Ambo pula telah 31 tahun menjadi penghulu. Ini bermakna, pada tahun berkenaan Datuk Ambo dan Kerajaan Rembau sendiri telah cukup matang baik dari segi umur mahupun dari segi catur politik.

Percikan terawal daripada konflik antara kuasa-kuasa di Selat Melaka yang berkenaan dengan Rembau terjadi apabila Sultan/Abdul Jalil Riayat Shah (1570-97), Sultan Johor telah meminta bantuan orang Rembau dan Naning dalam percubaannya merampas semula Melaka daripada tangan Portugis. Seruan Sultan Johor ini telah disambut oleh Penghulu Rembau dan Naning. Mereka telah menghantar suatu pasukan menyerang Melaka dari arah darat, dengan membakar dan memusnahkan kebun, ladang serta segala tanaman di sepanjang tebing Sungai Melaka. Di samping itu, mereka juga telah menyekat perjalanan bahan makanan mentah dan segar daripada memasuki Kota Melaka (Cardon, 1940: 110; Winstedt, 1934: 45).

Serangan dan sekatan orang Rembau dan Naning ini sangat memberi kesan kepada Portugis di Kota Melaka. Sebagai tindak balas, pemerintah Kota Melaka Joao de Silva telah menghantar sepasukan tentera lengkap dengan senjata api di bawah pimpinan Diogo d'Azambuja dan Don Manoel d'Almada menyerang Naning. Mereka telah berperahu ke pedalaman dan mendarat di Pangkalan Naning di mana mereka telah mendirikan markas. Dari situ mereka telah mara pula ke Kampung Enau di mana mereka telah berkonfrantasi dengan hulubalang Rembau dan Naning yang berjumlah dua ribu orang. Walaupun dari segi bilangan hulubalang Melayu jauh melebihi tentera Portugis namun dari segi senjata mereka diatasi oleh tentera Portugis yang menggunakan senjata api. Pertempuran ini berakhir dengan kekalahan di pihak orang Rembau dan Naning. D'Azambuja dengan pasukannya telah memusnahkan Kampung Enau dan beberapa kampung yang berjiranan serta sawah padi dan tanaman lain di kampung-kampung berkenaan.

Selepas mengalahkan pasukan pertahanan Rembau-Naning itu, d'Azam-

Ali Jalla

perang
 buja mendapat tahu bahawa sepasukan lagi orang Rembau telah membuat kubu di suatu tempat di kawasan sempadan Rembau-Naning. Kubu itu terletak sejauh sehari perjalanan daripada Kampung Enau. Pasukan pertahanan Rembau di kubu tersebut adalah di bawah pimpinan seorang panglima perang Penghulu 'Rajala' (mungkin bermaksud Datuk Sedia Raja Ambo) bernama Nadoi⁶ (Cardon, 1940: 112; Cave, 1989: 15). Setelah mendengar berita itu, d'Azambuja telah mara menuju ke tempat tersebut dengan tujuan memusnahkannya kerana ia adalah ancaman kepada pasukannya khasnya dan kepada pihak Portugis amnya.

Mendengar berita tentang kemaraan tentera Portugis itu, dan melihat bagaimana pasukan itu berjaya mengalahkan hulubalang seramai dua ribu orang, Nadoi telah menghantar keluar dua orang utusan: pertama menemui dan melaporkan keadaan dan strategi yang diambil, kedua utusan menyongsong pasukan d'Azambuja. Utusan kedua itu telah bertemu dengan tentera Portugis di pertengahan jalan. Dalam pertemuan itu, kepada d'Azambuja telah diberitahu bahawa Kerajaan Rembau tidak terlibat secara rela dalam serangan ke atas Melaka dan mempertahankan Naning. Selanjutnya beliau dimaklumkan bahawa kubu dan pasukan hulubalang Rembau (yang sangat kecil bilangannya) yang berada di situ hanya merupakan suatu persediaan berwaspada Kerajaan Rembau sahaja; dan Kerajaan Rembau tidak mempunyai sikap bermusuhan dengan sesiapa pun, termasuk pihak Portugis di Melaka.

Utusan pertama telah pergi menghadap Penghulu Rembau dan Lembaga Tiang Balai di Balai Penghulu di Kampung Tengah. Datuk Sedia Raja Ambo telah diberitahu tentang 'utusan damai' yang telah pergi bertemu d'Azambuja serta dimaklumkan sekali butir maklumat yang disampaikan kepada pihak Portugis dengan harapan ia dapat mengelakkan pelanggaran dan seterusnya pemusnahan perkampungan di kawasan sempadan Rembau-Naning oleh Portugis. Mendengar berita tersebut, Datuk Ambo selepas bermuafakat dengan Lembaga Tiang Balai, telah bersetuju menghantar seorang utusan pula, bagi pihak Kerajaan Rembau menemui d'Azambuja.

Utusan Datuk Ambo ini telah pergi menemui d'Azambuja, juga di pertengahan perjalanan antara Kampung Enau dan kawasan sempadan. Melalui utusan itu Datuk Sedia Raja Ambo telah menyatakan hasrat Kerajaan Rembau untuk berdamai dengan pihak Portugis. D'Azambuja telah menerima permintaan Datuk Ambo. Beliau telah bersetuju membatalkan rancangannya untuk menyerang dan memusnahkan kubu dan kawasan persekitarannya. Pihak Portugis, dengan itu, berpatah balik menuju ke kubu Portugis di Naning yang terletak di Pangkalan.

Dalam pensejarahan Rembau, sejauh yang diketahui, insiden tahun 1586 ini merupakan kali pertama berlaku konfrontasi ketenteraan antara Rembau dan suatu kuasa luar; dan dalam peristiwa ini kuasa Portugis.

Peristiwa ini juga telah 'memaksa' Rembau sebagai sebuah kerajaan membuat 'perjanjian' perdamaian, walaupun tidak termeteri di atas kertas, dengan suatu kuasa luar. Kerajaan Melayu Rembau, dengan mengamalkan sikap berkecuali telah berjaya menyekat kemaraan Portugis dari memijakkan kaki ke atas buminya.

Selepas peristiwa ini, perhubungan antara Rembau dan Portugis berbalik kepada keadaan sebelumnya, iaitu sikap berkecuali.

Datuk Sedia Raja Ambo telah meninggal dunia pada tahun 1605. Dua tahun sebelum beliau meninggal dunia (1603), dunia Melayu di sekitar Selat Melaka telah didatangi oleh satu lagi kuasa barat, iaitu Belanda. Untuk beberapa tahun di awal abad ke-17 ini, Rembau masih dapat mengekalkan dasar berkecualinya.

Kedudukan Rembau di awal abad ke-17 ini mengikut Godinho Emmanuel d'Eredia⁶ dalam bukunya *Declaracão de Malacca e India Meridional*⁷, telah mencapai taraf 'Metropolis'. Dalam peta lakar lukisannya, Rembau (yang dicatatkan sebagai Rombo) terletak di bahagian hulu Sungai Rembau. Pusat pentadbiran Rembau itu dicatatkan sebagai 'Região de Monancabos' (Lihat Peta 5). Di awal abad ke-17 itu, terdapat dua cara untuk sampai ke Rembau. Pertama ialah melalui sungai iaitu menghulu mengikut Kuala Penagim (Kuala Penajih atau Kuala Linggi sekarang) dan memudiki Sungai Penagim (Sungai Linggi sekarang) dan kemudian Sungai Rembau. Cara yang kedua adalah melalui 'jalan' darat. Terdapat dua batang jalan yang menghubungkan Melaka dan Rembau⁸.

1. Jalan daratan yang menyisir Sungai Melaka menuju ke pedalaman sehingga ke Pangkalan Nanning. Di Pangkalan Nanning jalan tersebut terpecah dua, satu terus ke Nanning dan kemudian dari Nanning ke Rembau. Pecahan yang lagi satu adalah jalan untuk ke Batang Melaka, Repah dan Ganum. Di Repah terdapat pula jalan menuju ke Johol yang boleh lantasi ke Sungai Pahang (mungkin melalui Jalan Penarikan).
2. Jalan yang terletak di tebing barat Sungai Baru yang sampai ke *Savattos* (Tangga Batu sekarang?), ke 'Landu' dan ke Sungai Buluh, di mana ia menyeberangi sungai untuk terus sampai Lupuk Kepung, Sungai Kepung dan akhirnya ke Nanning. Di Nanning jalan ini bertembung dengan jalan dari Pangkalan Nanning untuk terus pergi ke Rembau.

Dari segi ekonomi, Rembau di awal abad ke-17 ini adalah sebuah negeri yang mampu diri. Tanaman utama penduduk Rembau adalah padi yang terdiri daripada beberapa jenis. Penghasilan padi lebih daripada mencukupi, dan merupakan salah satu daripada komoditi yang diperdagangkan. Selain daripada padi berserta sayur-sayuran dan buah-buahan (bermusim) segar Rembau juga mengeksport beberapa bahan lain ke Melaka. Antara komoditi utama yang diperdagangkan adalah kapur barus

(dan 6)

[*Dryobalanops aromatica*], jernang, sirih [*Piper betle*], damar, dan getah dan minyak pokok. Di samping memperniagakan komoditi hasil sendiri, orang Rembau juga menjadi 'orang tengah' dalam perdagangan timah. Mereka telah membeli bahan galian itu daripada penduduk di bahagian 'pedalaman' lagi (mungkin dari kawasan Gemencheh) dan memperdagangkannya pula di Kota Melaka (Winstedt, 1934: 45).

Daripada huraian di atas nyatalah bahawa apabila Datuk Lela Maharaja Lenggang (atau disebut juga dengan nama Datuk Genggang) dipilih dan dilantik menjadi Penghulu Rembau dalam tahun 1605 (beliau memerintah sehingga tahun 1620) Rembau berada dalam keadaan makmur dan ber suasana 'aman'. Datuk Lenggang tidak membuat sebarang perubahan polisi berkaitan dengan perhubungan luar, terutama sekali dengan Portugis. Perhubungan antara Rembau dengan Portugis walaupun tidak menampakkan sebarang sikap permusuhan terbuka tetapi adalah tegang, terutama sekali daripada pihak Portugis.

Dari kaca mata Portugis, ketegangan perhubungan ini berpunca daripada faktor ekonomi. Di antara faktor yang ada diandaikan terdapat dua faktor utama yang memberi kesan kepada kedudukan Portugis.

1. Akibat peristiwa tahun 1586, rakyat dan Kerajaan Rembau merasa terhina kerana terpaksa tunduk kepada pihak penjajah. Sebagai tindak balas, sebahagian daripada komoditi perdagangan Rembau tidak lagi diperniagakan di Melaka. Sebaliknya bahan-bahan tersebut telah dibawa ke pusat Kerajaan Johor di Batu Sawar. Tempo perdagangan di Johor ini semakin rancak selepas tahun 1606 iaitu selepas Sultan Alauddin Riayat Shah II (1597-1613) mementerai perjanjian persahabatan dengan Belanda. Perbuatan sebahagian besar rakyat Rembau menukar pasar perdagangannya ini, secara tidak langsung telah memberi kesan ke atas ekonomi Portugis di Melaka.
2. Satu lagi faktor yang membawa keadaan tegang ini berpunca daripada sikap dan pelakuan orang Rembau yang 'masih mahu' datang berniaga di Melaka. Mereka sering membuat onar di pasar. Pihak Portugis tidak dapat mengenakan sebarang tindakan yang berkesan lagi tegas ke atas mereka dan lebih-lebih lagi ke atas Kerajaan Rembau. Kekacauan yang mereka lakukan terpaksa diselesaikan di tempat kejadian tanpa melibatkan Kerajaan Rembau.

Pihak Portugis tidak dapat mengambil sebarang tindakan di atas perubahan pasar perniagaan dan terutama sekali ketidakberanian mereka bertindak tegas ke atas perniaga Rembau di Melaka mungkin berpunca daripada keinginan mereka tidak mahu berlaku salah faham dengan Kerajaan Rembau. Perselisihan faham dengan Rembau mungkin akan meletuskan konfrantasi ketenteraan. Pemerintah Portugis tidak ingin memecahbelahkan kekuatan tenteranya.

Sebagai dinyatakan, pada tahun-tahun awal abad ke-17 ini, musuh

utama Portugis di Eropah, iaitu Belanda telah menampakkan muka di Selat Melaka. Lebih serius lagi, Belanda telah pula berbaik dengan 'musuh' setempatnya—Johor. Portugis yang memahami bahawa Rembau, sekurang-kurangnya dari segi teori (walaupun tidak daripada sikap dan perbuatan) adalah 'bernaung' di bawah Kerajaan Johor, tidak ingin memulakan sebarang tindakan yang boleh mencetuskan konfrantasi dengan Rembau, yang jika berlaku juga mungkin akan melibatkan Johor dan seterusnya Belanda. Ini bermakna Portugis akan berhadapan, bukan sahaja dengan Rembau dan mungkin Naning tetapi juga Johor dan Belanda. Pada hakikatnya Portugis ingin sentiasa berada dalam keadaan berwaspada dan berjaga-jaga. Sepenuh tenaga dan kekuatan militarnya harus dihalakan dalam menghadapi musuh yang lebih besar dan lebih kuat serta yang boleh menggoncang (malahan memusnahkan) kedudukannya di Melaka, iaitu Belanda. Sedapat yang mungkin, pihak Portugis ingin mengelakkan diri daripada memberi sebarang rangsangan kepada Belanda untuk menyerang Melaka; dan dalam keadaan yang ada, menekan Rembau mungkin akan menjadi titik permulaannya.

Demikianlah kedudukan Rembau dari kaca mata pihak berkuasa Portugis. Rembau pula telah meneruskan dasar berkecualinya sehingga Datuk Lela Maharaja Lenggang mati (1620). Penghulu Rembau berikutnya, Datuk Sedia Raja Pandak (1620-45) telah meneruskan polisi ini sehingga beberapa tahun sebelum dia meninggal dunia.

Dasar berkecuali ini kadangkala tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana Rembau yang pada teorinya bernaung di bawah Johor, 'terpaksa' mematuhi kehendak Johor, misalnya memberi bantuan 'ketenteraan' dalam serangan ke Melaka seperti yang berlaku pada tahun 1586. Besar kemungkinan, permintaan yang sama telah juga dibuat dalam tahun 1606 iaitu apabila Johor bersama Belanda merancang menyerang Melaka, tetapi telah dibatalkan pada bulan Ogos 1606 (Winstedt, 1962: 113).

Johor pula telah cuba menguatkuasakan naungannya ke atas Rembau. Salah satu cara yang telah dilakukan ke arah mencapai tujuan ini adalah dengan melantik seorang wakil dalam Kerajaan Rembau. Calon yang dipilih haruslah: pertamanya seorang yang berstatus lembaga yakni ketua sesuatu suku. Hanya dengan mempunyai status ini baru wakil berkenaan dapat bersuara dalam sidang Lembaga Rembau iaitu majlis yang membuat polisi Kerajaan Rembau. Keduanya, calon itu haruslah taat dan setia kepada Maharaja Johor.

Dengan mengambil kira dua aspek di atas, serta juga aspek lain yang berkaitan, calon yang sesuai untuk tugas ini adalah datangnya daripada anggota Suku Anak Melaka. Kesesuaian anggota suku ini sebagai calon, selain daripada dua aspek tadi, adalah dari segi sejarah wujudnya suku berkenaan.

Suku Anak Melaka, seperti yang terbayang pada nama suku itu, ang-

gotanya adalah terdiri daripada orang yang berasal dari Melaka. Ada dua kemungkinan tentang asal-usul suku ini. Pertama, mereka adalah terdiri daripada orang Melayu Melaka yang telah berpindah ke Rembau di akhir abad ke-16. Mereka telah diasimilasikan dengan cara hidup orang Minangkabau di Rembau. Kedua, mereka mungkin terdiri daripada orang Minangkabau, generasi kedua, yang telah menetap di Melaka, iaitu mungkin di sekitar kawasan sempadan mukim Batu Berendam dan Durian Tunggal sekarang, yang dianggap oleh Bort sebagai 'penculik Minangkabau' (Bort, 1678, dalam Bremmer, 1927: 28). Mereka telah berpindah ke Rembau di sekitar awal abad ke-17.

Dalam perkiraan Kerajaan Johor, ketua Suku Anak Melaka inilah yang paling sesuai dijadikan wakil di Rembau. Dengan itu, di tahun-tahun awal pemerintahan Datuk Sedia Raja Pandak (1620-45), Sultan Abdul Jalil II (1623-77) telah melantik seorang datuk lembaga kepada suku yang anggotanya berasal dari Melaka. Oleh kerana beliau adalah wakil Kerajaan Johor maka ketua Suku Anak Melaka itu telah dianugerahkan gelaran Datuk Ganti Maharaja (Parr dan Mackray, 1910: 15; Abas Hj Ali, 1953: 18). Namun, pemilihan Datuk Ganti Maharaja ini tidak membawa kesan kepada Kerajaan Rembau kerana datuk berkenaan bukan ahli Lembaga Tiang Balai yang berwibawa menggubal polisi Kerajaan Rembau. Justeru itu Datuk Ganti Maharaja tidak mempunyai suara dalam pentadbiran Kerajaan Rembau. Kuasanya adalah terhad kepada lingkungan ahli sukunya sahaja.

Terlibatnya Rembau dalam kancang peperangan menentang Portugis di Melaka yang bermula pada bulan Jun 1640 (Leupe, 1936: 13) sehingga jatuhnya Portugis pada 14 Januari 1641 (Windstedt, 1934: 47), bukan atas desakan ataupun pengaruh Datuk Ganti Maharaja ke atas Penghulu Rembau (Datuk Pandak) dan Lembaga Tiang Balainya; besar kemungkinan kerana ancaman Belanda. Ancaman ini jelas terbayang dalam surat bertarikh 11 Oktober 1640 yang ditulis¹² oleh Governor General Belanda di Batavia kepada Andriaen Antonisz, pemimpin angkatan perang Belanda di Melaka.

Surat tersebut meminta Andriaen Antonisz 'sentiasa memberi amaran' kepada Kerajaan Rembau supaya jangan membantu Portugis. Jikalau dibantu juga Rembau akan 'dianggap sebagai musuh' dan 'akan diserang'. Andriaen Antonisz juga diminta memberi amaran secara serius kepada Kerajaan Rembau supaya menghormati janjinya untuk membantu Belanda menyerang Melaka, dan mengusir dan menyerahkan para wanita Portugis yang mencari perlindungan di Rembau¹³ atau bersedia untuk 'menerima kemusnahan'. Selanjutnya, Andriaen Antonisz juga telah mengingatkan supaya Rembau 'dikendalikan secara tegas' kerana ada bukti yang menunjukkan Rembau menghantar seramai tiga ratus lagi hulu-balang (Leupe, 1936: 25). Bilangan ini telah ditambah lagi seramai lima

ratus orang yang telah tiba di Melaka pada 27 Oktober 1640 (Leupe, 1936: 27).

Hulubalang Rembau ini bersama dengan hulubalang Naning telah ditugaskan untuk memusnahkan harta benda dan ladang tanaman Portugis di kawasan belakang Kota Melaka serta di sepanjang tebing Sungai Melaka. Tujuan tindakan ini adalah untuk memusnahkan bekalan makanan segar pihak Portugis. Tindakan ini, di samping penyekatan kemasukan bekalan makanan melalui laut telah memberi kesan kerana menjelang akhir bulan November penduduk Kota Melaka berada dalam keadaan kebuluran (Leupe, 1936: 31).

Daripada huraian dan perangkaan di atas nyatalah bahawa Rembau telah menghantar sejumlah sembilan ratus orang hulubalang membantu Belanda menawan Melaka. Ini bermakna Rembau telah menunaikan janjinya. Justeru itu Rembau dapat melepaskan diri daripada ancaman Belanda.

Dalam mempertahankan Kota Melaka, Portugis telah menghadapi musuh dari dua penjuru iaitu arah laut dan darat. Penyerang dari Melaka memperoleh banyak faedah daripadanya (Leupe, 1936: 20).

Dengan adanya ancaman 'diserang' dan 'dimusnahkan' Kerajaan Rembau tiada pilihan melainkan bersama membantu Belanda menyerang Melaka. Persoalan yang timbul di sini ialah bagaimana janji itu dibuat, dan siapa yang membuatnya untuk Rembau (dan Naning) di satu pihak dan Belanda di pihak lain. Sumber sejarah setakat ini masih membisu tentangnya. Apa yang boleh diandaikan di sini ialah oleh sebab Rembau bernaung di bawah Johor besar kemungkinan janji itu telah 'dibuat' oleh Kerajaan Johor bagi pihak Belanda, mungkin melalui wakilnya di Rembau iaitu Datuk Ganti Maharaja.

Untuk mengelakkan ancaman itu menjadi kenyataan, Kerajaan Rembau di bawah pimpinan Datuk Sedia Raja Pandak dengan restu Tiang Balai telah pada mulanya menghantar lebih kurang seratus orang (jumlah sebenar tidak diketahui dengan tepat, tetapi jumlah gabungan hulubalang Rembau dan Naning adalah dua ratus orang). Mereka ini telah sampai di Melaka pada 7 September. Tidak lama selepas itu, Datuk Pandak telah menambah lagi bilangan hulubalang Rembau yang terlibat dalam serangan itu. Serangan laut adalah daripada orang Belanda dan Johor. Dari bahagian darat pula Portugis terpaksa berhadapan dengan orang-orang Rembau, Naning dan Johor. Kekuatan Portugis pada masa serangan ini adalah tidak lebih daripada seribu orang, sedangkan bilangan tentera Belanda dan sekutunya adalah lebih daripada dua ribu orang. Di samping ketidakseimbangan kekuatan tentera, Portugis juga telah terputus bekalan makanan akibat kepungan Belanda dari laut dan orang Rembau dan Naning dari darat, di samping kehabisan peralatan senjata api. Oleh yang demikian, pihak Portugis terpaksa menyerah kalah pada 14 Januari 1641.

bagian darat

Lembaga

Nota kaki

1. Logan, yang memeriksa tempat berkenaan pada tahun 1849, berpendapat ianya bukan kubur tetapi benteng bertahan. Justeru itu, dalam nota kaki rencana berkenaan beliau mengandaikan bahawa nama tempat itu sebenarnya adalah Kubu Feringgi (1849: 32).

2. Pateh Kadir adalah seorang Jawa. Beliau telah dilantik menjadi syahbandar bagi orang Jawa menggantikan Utimutu Raja. Pateh Kadir telah membuat kubu di Pulau Upeh dengan enam ribu orang pengikut dan telah bekerjasama dengan Laksamana Kerajaan Sultan Mahmud yang sedang mengepung Melaka.

3. Melaka telah dikepung oleh:

(a) Johor dalam tahun 1515-19, 1522-24, 1551, 1556.

(b) Aceh dalam tahun 1537, 1546, 1547, 1563, 1571, 1575.

(c) Jepara dalam tahun 1571.

Portugis pula telah menyerang balas kerajaan Johor dalam tahun-tahun 1521, 1524, 1526, 1536, 1551 dan 1587.

Johor pula, mulai tahun 1536-7, selain daripada menyerang dan diserang oleh Portugis telah mempunyai satu lagi musuh iaitu Aceh. Johor dalam tahun 1568 telah bergabung dengan Portugis untuk menyerang Aceh.

Akibat serangan Portugis dan Aceh ini, Johor sering memundahkan pusat pentadbirannya, iaitu: Bintang (1515-26), Sayung (1526-36), Johor Lama (1536-64; ditawan oleh Aceh), Bukit Safayut (1564-87), Johor Lama (1587), dan Batu Sawar (1587-1617). Pusat ini berpindah lagi selepas tarikh ini.

4. Penurunan pusaka daripada ayah ke anak adalah terkeluar daripada sistem kepimpinan Adat Perpatih. Dalam Adat Perpatih pusaka adat seperti Penghulu/Undang, Lembaga dan Buapak diturunkan kepada anak buah (anak lelaki kepada saudara perempuan). Tetapi kes Si Rama dan anaknya Ambo adalah suatu pengecualian kerana demikian yang telah dijanjikan oleh Datuk Lela Balang (ayah Si Rama) bersama Datuk Laut Dalam (datuk sebelah ibu Ambo) atas kehendak dan di hadapan Sultan Johor di istananya di Johor Lama pada tahun 1540. Lihat huraian di atas—Bab 6.

5. Mengikut Winstedt (1934: 45) Nadoi (Winstedt tidak mencatatkan nama) adalah seorang hulubalang Kerajaan Johor dan beliau telah metarikan diri sebelum tentera Portugis pimpinan d'Azambuja tiba ke kubu berkenaan.

6. Gohinda d'Eredia adalah anak kepada seorang puteri Bugis yang telah berkahwin lagi (ketika berumur 15 tahun) dengan Juan d'Eredia. Dia telah dilahirkan di Melaka pada tahun 1563 dan tinggal di situ sehingga berumur 13 tahun. Kemudian dia telah ke Goa untuk melanjutkan pendidikannya. Pada tahun 1600-04 dia telah balik ke Melaka dan telah menjelajah kawasan Kuasa Penagim (Kuasa Linggi sekarang) hingga ke Muar. Dia telah berjaya melukis suatu peta lakar (Lihat Peta 5) yang menunjukkan sistem sungai di sekitar Melaka.

7. Buku d'Eredia ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh J.V. Mills. Lihat JMBRAS, 8(1), 1930.

8. Untuk huraian yang lebih terperinci tentang 'jalan' ke pedalaman Melaka seperti yang dilukiskan oleh d'Eredia di awal abad ke-17 ini lihat Cave (1989: 21-22).

9. Jernang adalah suatu bahan celupan merah yang boleh di dapati daripada rotan jernang [*Daemonorops draco*]. Ia juga mempunyai khasiat perubatan.

